

Premis terbiar di Bukit Sentosa bakal dibangunkan semula

Bukit Beruntung: Beberapa projek bangunan terbengkalai di Taman Widuri dan Kemboja, Bukit Sentosa, di sini, dimasukkan dalam pelan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020.

Ya bagi menangani isu projek terbengkalai di kawasan *brownfield* secara menyeluruh.

Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Shukri Mohd Hamin, berkata pihaknya mengambil berat masalah projek bangunan terbengkalai yang didakwa mengundang masalah kepada penduduk.

Katanya, pembangunan semula projek terbengkalai di daerah itu membabitkan bandar Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Prima Beruntung, Lembah Beringin, Desa Beringin, Taman Malim Mas, Taman Akasia, Legend Farm, Lembah Jati (Green Valley) dan

beberapa projek pembesaran kampung.

"Kawasan *brownfield* yang disenaraikan oleh pihak kami mempunyai kadar penghuni yang amat rendah, iaitu kurang daripada 20 peratus dan juga kini

terbengkalai sepenuhnya.

"Masalah berlaku disebabkan faktor kewangan pemaju, keselamatan, kurang penyelenggaraan oleh pihak berkuasa tempatan, kemudahan infrastruktur dan pengangkutan awam," katanya.



Keratan akhbar BH semalam.



Masalah berlaku
disebabkan faktor kewangan pemaju, keselamatan, kurang penyelenggaraan oleh pihak berkuasa tempatan, kemudahan infrastruktur dan pengangkutan awam.

Shukri Mohd Hamin,
Yang Dipertua MDHS

Beliau diminta mengulas laporan BH semalam, mengenai binaan enam blok bangunan membabitkan 300 lot kedai terbiar dan usang, dipenuhi semak-samun di Taman Widuri dan Kemboja di sini sejak lebih 20 tahun itu.

Shukri berkata, MDHS bakal membangunkan kawasan itu menjadi destinasi berpotensi menjana keuntungan tarikan pelbagai pihak mulai tahun depan.

Katanya, bangunan usang itu akan diberi tumpuan daripada aspek fizikal bangunan, akses kemudahan awam dan selamat didiami penduduk.

Beliau berkata, pelan transformasi Bandar Bukit Beruntung yang sudah dirangka itu menekankan empat aspek utama perancangan utamanya, iaitu fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar.